



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/09/01\_63 (HQ)

### PRESTASI KEWANGAN TNB 1HFY22 BERDAYA TAHAN

- Hasil Kumpulan meningkat 4.4% kepada RM24.99 bilion
- PAT untuk suku kedua 2022 meningkat 3.9% berbanding suku pertama 2022
- TNB mengisyiharkan 20.0 sen sesaham dividen interim
- Kerajaan terus mendukung mekanisme ICPT, komited untuk membayar TNB RM5.8 bilion

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** kekal mencatatkan prestasi berdaya tahan pada Separuh Pertama Tahun Kewangan 2022 (1HFY2022) yang disokong permintaan elektrik lebih tinggi sebanyak 5.0 % tahun ke tahun sejajar pertumbuhan berterusan ekonomi pasca pandemik.

“Hasil Kumpulan tanpa bayaran balik ICPT (Pelepasan Kos Tidak Seimbang) bagi tempoh tersebut meningkat 4.4% kepada RM24.99 bilion daripada RM23.93 bilion,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din kepada penganalisis hari ini, berikutan keputusan pengumuman pada hari Selasa lepas.

Beliau mengaitkan hasil lebih tinggi itu berikutan kenaikan jualan elektrik TNB dalam semua sektor, selaras peningkatan keseluruhan KDNK Malaysia sebanyak 6.9% tahun ke tahun.

“Secara keseluruhan, kami mencatatkan Keuntungan Selepas Cukai (PAT) lebih tinggi, kepada RM905.6 juta pada suku kedua 2022, berbanding dengan RM871.2 juta pada suku pertama 2022,” tambah Baharin.

Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA) dilaporkan pada RM10.58 bilion. EBITDA (tanpa bayaran balik ICPT) meningkat kepada 42.3% daripada 40.6% berbanding tempoh yang sama tahun lepas, sekali gus mencerminkan peningkatan prestasi operasi TNB.

“Prestasi kewangan ini mencerminkan prestasi teknikal yang kukuh mendukung rangkaian kekal teguh dengan Sistem Minit 0.01 dan 22.01 minit SAIDI (Sistem Indeks Purata Tempoh Gangguan), diambah lebih baik daripada sasaran,” kata Baharin.

### Usaha Bersepadu Kerajaan dan TNB dalam Menangani Harga Bahan Api yang Tinggi

Pengumuman Kerajaan baru-baru ini mengenai pembayaran RM5.8 bilion dan jaminan RM6 bilion kemudahan pinjaman menterjemahkan usaha bersepadu Kerajaan dan TNB dalam menangani keadaan harga bahan api yang tinggi.

Mengulas mengenai akaun belum terima yang besar disebabkan ICPT pada 1HFY2022, Baharin berkata bahawa Kumpulan mengambil langkah proaktif untuk mengurus modal kerja.

“Ini termasuk memenuhi kewajipan kami kepada pembekal dan vendor melalui pemantauan aliran tunai berterusan dan mendapatkan pinjaman tambahan apabila diperlukan.”

“Kami kekal berhemat dalam pengurusan modal kerja dan menjangka penarafan kredit kami kekal stabil. Kami juga menambah baik kutipan dengan kadar purata 98% untuk 1HFY2022 berbanding 92% tahun lalu.”

### **TNB Mempercepatkan Pelan Peralihan Tenaga Bertanggungjawab**

TNB baru-baru ini mengumumkan komitmennya untuk melabur sekitar RM10 - RM20 bilion setahun dalam tempoh 28 tahun akan datang sebagai perbelanjaan modal (Capex) untuk inisiatif mempercepatkan Pelan Peralihan Tenaga dengan aspirasi mengurangkan intensiti pelepasan karbon kepada sifar bersih menjelang 2050.

Pelan Peralihan Tenaga Bertanggungjawab ini akan membawa pertumbuhan perniagaan yang positif kepada Kumpulan. “Kumpulan akan melihat peralihan besar kepada Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan teknologi hijau baharu ke arah masa depan, memenuhi komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sambil memastikan pertumbuhan perniagaan yang mampan.

“Komitmen ini memenuhi kedua-dua komitmen ESG dan pertumbuhan perniagaan untuk TNB. Kami menyegerakan inisiatif peralihan ini atas dorongan rasa tanggungjawab mendalam TNB terhadap landskap tenaga negara, serta rasa mendesak untuk memastikan kemampuan perniagaan kami,” kata Baharin.

Beliau menggariskan empat inisiatif untuk mempercepatkan agenda kemampunan TNB dan ini merangkumi usaha untuk mengerakkan penyahkarbonan bagi meningkatkan nilai perusahaan TNB Genco, meluaskan fokus pasaran untuk mengembangkan portfolio TBB, meneruskan pelaburan untuk grid masa depan dan menumpukan kepada pembangunan ekosistem kenderaan elektrik.

### **Pembayaran Dividen Kekal Teguh**

Lembaga pengarah TNB telah mengisyiharkan dividen interim sebanyak 20.0 sen sesaham untuk separuh pertama tahun ini berbanding 22.0 sen sesaham pada tempoh yang sama 2021.

Pemberian dividen itu mencerminkan pengurusan modal yang berhemat manakala pembayaran tetap kukuh berbanding prestasi KLCI. Nisbah pembayaran dividen bagi separuh pertama 2022 adalah pada 47.3% berdasarkan pelarasan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI). Pembayaran dividen bagi tempoh tersebut berjumlah RM1.15 bilion.

## Prospek

Ekonomi Malaysia terus pulih pada suku kedua 2022 dengan pertumbuhan 8.9% berbanding tempoh yang sama tahun lepas, disokong oleh pengembangan permintaan dalam negeri, pemulihan berterusan dalam pasaran buruh, eksport yang berdaya tahan dan sokongan dasar yang berterusan.

Bagi tahun penuh 2022, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 5.3% hingga 6.3%\*. Namun begitu, unjuran pertumbuhan terus menghadapi cabaran terutamanya daripada pengetatan dasar kewangan Amerika Syarikat, gangguan rantaian bekalan semakin buruk akibat peningkatan selanjutnya harga komoditi global dan tekanan kuat inflasi, sehingga boleh menjaskan perbelanjaan isi rumah dan aktiviti pelaburan.

Kumpulan melaporkan prestasi berdaya tahan pada separuh pertama tahun kewangan 2022 disokong oleh pertumbuhan elektrik yang lebih tinggi sebanyak 5.0% tahun ke tahun. Ini selaras dengan prestasi keseluruhan ekonomi Malaysia yang berkembang pada 6.9% untuk tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, Kumpulan terus menghadapi cabaran dan kekal terdedah kepada harga bahan api yang tinggi yang mengakibatkan baki penghutang yang tinggi.

Kumpulan meramalkan prestasi yang munasabah untuk tahun 2022 sambil kekal berhati-hati terhadap kesan berpanjangan daripada harga bahan api yang tinggi dan prospek risiko kredit pelanggan. Kumpulan akan terus mengambil langkah berhemat dari segi keperluan operasi dan kewangannya untuk memastikan ia kekal berdaya tahan.

\*Sumber: Bank Negara Malaysia

### Sorotan Kewangan

RM' Juta	<b>6 Bulan Berakhir 30 Jun 2022</b>	<b>6 Bulan Berakhir 30 Jun 2021</b>
<b>Jumlah Pendapatan</b>	34,798.8	23,919.0
<b>Perbelanjaan Operasi</b>	(30,150.4)	(19,204.3)
<b>Pendapatan Operasi lain</b>	429.7	404.0
<b>Keuntungan Operasi (EBIT)</b>	<u>4,997.9</u>	<u>4,451.1</u>
<b>Kos Kewangan</b>	(2,068.9)	(1,910.5)
<b>Keuntungan/(kerugian) Transaksi Tukaran Wang Asing</b>	(194.5)	(116.7)
<b>Keuntungan bersih (sebelum keuntungan/(kerugian) Transaksi Tukaran Wang Asing</b>	1,959.8	1,896.9
<b>Keuntungan bersih yang diagihkan kepada pemilik Syarikat</b>	1,765.3	1,780.2
<b>Keuntungan Tempoh Berkenaan</b>	1,776.8	1,823.5
<b>Pendapatan sesaham</b>	30.83 sen	31.18 sen

**Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.4 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepada, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 September 2022**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
 Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606  
 atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din